



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 2 TAHUN 2011**

---

**PERATURAN BAYARAN BALIK LETAK KENDERAAN**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan bagi menambahbaik syarat dan peraturan kemudahan Bayaran Balik Letak Kereta yang berkuat kuasa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk sentiasa menambahbaik dan mempermudah pelaksanaan dasar, syarat dan peraturan.

**LATAR BELAKANG**

2. Kemudahan Bayaran Balik Letak Kereta diperkenalkan semasa pelaksanaan Sistem Saraan Baru dan penjelasan pelaksanaannya melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1992 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 1992. Pada tahun 2009 melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2009, Kerajaan bersetuju untuk menaikkan kadar kemudahan Bayaran Balik Letak Kereta daripada RM30.00 kepada RM90.00.

3. Kemudahan Bayaran Balik Letak Kereta adalah diberi dengan tujuan untuk membantu pegawai Perkhidmatan Awam yang disahkan oleh Ketua Jabatan perlu menggunakan kenderaan sendiri untuk menjalankan tugas rasmi dan menyewa petak letak kereta yang terletak di persekitaran pejabat. Dalam konteks ini, “menjalankan tugas rasmi” yang dimaksudkan adalah tugas yang berkaitan dengan tugas pejabat

selain daripada menghadiri kursus yang dibenarkan yang memerlukan pegawai kerap kali keluar masuk pejabat.

4. Mengambil kira kemudahan Bayaran Balik Letak Kereta turut dipanjangkan kepada penggunaan motosikal dalam menjalankan tugas rasmi maka kemudahan ini dipinda kepada kemudahan Bayaran Balik Letak Kenderaan.

#### **KAEDAH DAN SYARAT PEMBAYARAN**

5. Syarat-syarat bagi pegawai yang layak menuntut kemudahan Bayaran Balik Letak Kenderaan adalah seperti berikut:

- 5.1 pegawai perlu menyewa petak letak kereta atau motosikal yang terletak di persekitaran pejabat dan disewa secara bulanan;
- 5.2 tuntutan boleh dibuat melalui tuntutan perjalanan bulanan pegawai dan berdasarkan resit;
- 5.3 jabatan boleh menerima sama ada tiket harian ataupun pas bulanan serta resit sewaan secara pukal atau tiket harian bercampur antara kereta dan motosikal; dan
- 5.4 kadar adalah berdasarkan kadar sebenar atau maksimum RM90.00 mengikut mana yang lebih rendah bagi setiap pegawai.

#### **PEMBATALAN**

6. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1992 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2009 dibatalkan.


## **TARIKH KUAT KUASA**

7. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2011.

## **PEMAKAIAN**

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

29 Jun 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan